

09/08/2004

Ramai tokoh politik mencurahkan bakti dalam sukan

By Raja Ahmad Zainuddin

KITA mengikuti pemilihan Umno dengan penuh minat sepanjang Julai lalu dan akhirnya ahli Umno sepakat memberi kepercayaan penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memimpin Umno menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad dan pemilihan Perdana Menteri akan dinobatkan pada perhimpunan agung parti pertengahan bulan depan.

Pemilihan Umno menjadi lebih penting kepada semua tidak kira sama ada mereka itu kalangan politik, pegawai dan kakitangan kerajaan, penternak, peladang peneroka mahupun penoreh getah serta badan sukan kerana ia adalah tunjang dan tulang belakang kepada parti pemerintah. Lebih menarik lagi dalam pemilihan kali ini turut membabitkan ramai tokoh dan pemimpin sukan yang dicalonkan termasuk bekas Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak selaku Timbalan Presiden.

Setakat ini, Datuk Seri Abdullah dan Datuk Seri Najib, masing-masing menang tanpa bertanding jawatan berkenaan. Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin juga bekas Menteri Belia dan Sukan adalah dua calon yang mempertahankan jawatan Naib Presiden bersama Tan Sri Mohamad Mohd Taib juga Presiden Persatuan Silat Kebangsaan dan bekas Menteri Besar Selangor.

Turut dicalonkan bersama mereka ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang juga Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia. Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Samad juga bekas Presiden Bola Sepak Negeri Sembilan akan mencuba sekali lagi setelah gagal memenangi jawatan itu sebelum ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapha Mohamed akan pertama kali mencuba nasib manakala Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang melepasi kelayakan minimum juga menawarkan diri untuk jawatan nombor tiga tertinggi parti itu.

Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahril Abdul Samad juga Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) di Parlimen adalah satu-satunya calon baru di kalangan bukan menteri dan timbalan menteri yang turut menawarkan diri bertanding naib presiden. Di peringkat pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein juga bekas Menteri Belia dan Sukan juga menang tanpa bertanding bagi mengekalkan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Bagi 25 kerusi Majlis Tertinggi (MT), Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaludin Jarjis yang juga Presiden Ekuestrian Malaysia adalah antara calon yang menawarkan diri. Beliau adalah penyandang jawatan itu setelah melakukan percubaan pertama pada pemilihan yang lalu ketika menjadi Pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Terlanjur bercakap mengenai sukan berkuda ini, Malaysia memiliki peluang cerah untuk menjadi tuan rumah Piala Dunia ekuestrian pada 2006. Harapan itu berlandaskan kelayakan Piala Dunia rantau Asia (Sea) diadakan bersempena siri Piala Perdana yang dilangsungkan di Bukit Kiara Equestrian & Country Club, Kuala Lumpur baru-baru ini buat pertama kalinya.

Selain itu menurut Pengarah Urusan Kumpulan ARL, Abdul Razak Latiff yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penganjur dalam satu laporan, pusingan kelayakan piala dunia SEA merupakan acara paling prestij dalam jadual pertandingan kali ini.

Persekutuan Ekuestrian Antarabangsa (FEI) juga mengiktirafkan Malaysia sebagai tuan rumah Grand Prix Ekuestrian yang tahun ini akan diadakan selama empat hari bermula 1 Oktober di Kuala Lumpur.

Dengan kejayaan negara menjadi penganjur kelayakan Piala Dunia telah memberi peluang kepada peserta rantau ini untuk mendapatkan persaingan lebih adil dan seterusnya layak ke pusingan akhir.

Jika mereka bertanding di Eropah, bermakna mereka terpaksa berdepan dengan begitu ramai peserta yang lebih hebat dan berpengalaman. Adalah diharapkan juga satu hari nanti sukan ini akan menjadi sukan pelancongan di Malaysia dan orang ramai akan hadir untuk menyaksikan kejohanan yang dianjurkan.

Ekuestrian juga boleh menyumbangkan pingat dalam kejohanan antarabangsa seperti yang telah dibuktikan di Sukan Sea dan tidak mustahil di peringkat Sukan Olimpik jika kesungguhan dan perancangan yang betul dapat diberikan.

Sepertimana persatuan ekuestrian, Kelab Formula Future juga memasang impian yang lebih besar selepas kejayaan pasukan remaja negara di Kejohanan Dunia Bot Laju yang berakhir di Lisbon, baru-baru ini.

Tahniah kepada pasukan remaja negara yang meraih dua emas dan dua perak yang pertama kali disertai Malaysia. Negara juga muncul juara keseluruhan mengenyepikan lima negara lain yang mengambil bahagian.

Kelab Formula Future yang dipimpin Senator, Datuk Syed Ali Alhabsee juga percaya kejayaan di Portugal itu juga membuktikan bahawa mereka mampu melahirkan pelumba bot laju Formula Satu negara dalam tempoh lima atau enam tahun akan datang jika sukan itu diberi perhatian dari sudut pembangunan dan infrastruktur oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Justeru, KBS diminta mengiktiraf sukan itu dan menjadikannya sebagai satu lagi silibus dalam kalendar mereka, tambah Syed Ali yang juga seorang ahli perniagaan ketika menghebahkan kejayaan itu.

Seperti yang pernah dinyatakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, kementeriannya akan sentiasa melihat dan menilai perkembangan sukan tanah air yang boleh mengharumkan nama negara di persada antarabangsa sama ada yang dirancangkan oleh kementerian mahupun badan lain.

Pembabitan tokoh politik sebenarnya boleh membantu badan sukan berkembang kerana dana untuk menjalankan aktiviti amatlah penting untuk mencungkil bakat baru terutamanya. Sumbangan besar mereka wajarlah dihargai tanpa melihat kehadiran mereka hanya sebagai orang politik semata-mata.

Negara berbangga kerana ramai pemimpin politik turut mencurahkan keringat dan sumbangan sukarela mereka untuk sama-sama menaikkan sukan negara. Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Abdul Razak adalah dua nama besar yang perlu kita ingati yang banyak berjasa. Selain sultan dan raja muda, menteri, timbalan menteri serta menteri besar dan ketua menteri juga bersedia untuk turun padang bagi sama-sama mewarnai perkembangan sukan.

Turut menawarkan diri bertanding dalam pemilihan MT Umno bulan depan ialah Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang juga Presiden Persatuan Renang Kebangsaan dan Presiden Persatuan Bola Sepak Perlis.

Kecuali Johor, Selangor, Perak, Melaka, Pahang, Kelantan dan Terengganu di Semananjung manakala Sabah dan Sarawak, di Malaysia Timur, Menteri Besar dan Ketua Menteri adalah presiden persatuan bola sepak masing-masing. Ada juga di antara mereka yang tidak memegang jawatan itu tetapi turut menunjukkan sokongan padu kepada pasukan masing-masing seperti Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Tan Sri Ghazali Jawi (Perak), Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo (Selangor) dan Datuk Seri Mohamed Hassan (Negeri Sembilan).

Saya masih ingat ketika menjadi pengurus pasukan Perak menjulang kali terakhir Piala Malaysia pada tahun 2000, Tajol Rosli yang ketika itu baru mengambil alih tampuk kepimpinan Perak bukan sahaja bersikap murah hati, menghulurkan tangan memberi bantuan, tetapi sama-sama turun padang memberi semangat kepada pemain.

Oleh itu kepada tokoh sukan yang telah menawarkan diri dalam pemilihan

Umno bulan depan di ucapkan selamat bertanding. Bagi mereka yang tidak berjaya dalam perebutan jawatan di peringkat bahagian seperti bekas pelari pecut negara Mumtaz Jaafar untuk jawatan Ketua Wanita Umno Bahagian Pasir Salak diharap jangan kecewa, sementara tahniah diucapkan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu, Datuk Che Mat Jusoh yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu yang memenangi jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian Kuala Terengganu dan rakan saya Datuk Seri Dr Ibrahim Saad berjaya mengekalkan jawatan ketua di bahagian Batu Kawan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Umno yang mencalonkan saya untuk bertanding jawatan MT parti. Terima kasih daun keladi.

(END)